LKIM(B)406/909JLD.31(  )
04 Mac 2025

**Pegawai Dan Kakitangan LKIM**

Tuan,

**TAWARAN BAGI SEBUT HARGA PENJUALAN KENDERAAN RASMI LKIM NEGERI SELANGOR YANG DICADANG LUPUS, PROTON WAJA (WNH 7907)- LKIM(B):S1/2025- PELAWAAN SEMULA**

Adalah dimaklumkan perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan hormatnya seperti perkara di atas dan memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bercadang untuk menjual satu unit kenderaan terpakai. Butiran seperti di lampiran:

**SEBUT HARGA LKIM(B):S1/2025- PELAWAAN SEMULA**

| | | |
|---|---|---|
| No Pendaftaran | : | **WNH 7907** |
| Model/Tahun Di buat | : | **PROTON WAJA / 2005** |
| Tempat | : | **PEJABAT LKIM NEGERI SELANGOR** |
| Deposit | : | **5% daripada harga tawaran** |
| Harga Semasa | : | **RM1,500.00** |

2. Tawaran adalah dipelawa kepada pegawai, kakitangan LKIM dan orang awam yang berminat untuk membeli kenderaan tersebut. Dokumen pelawaan boleh diperolehi secara **percuma** dengan memuat turun di portal rasmi LKIM https://www.lkim.gov.my mulai **06 Mac 2025 (Rabu).**

3. Pegawai, kakitangan dan orang awam yang berminat hendak melihat kenderaan tersebut dibenarkan pada hari bekerja dari pukul 10.30 pagi sehingga 3.00 petang boleh terus menghubungi **ENCIK RAUZI BIN ABDUL JALAL atau PUAN ERLINAWATY BINTI SHARIFUTDIN atas talian 03-55216200/6226/6234.**

4. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi berserta deposit hendaklah di masukkan ke sampul surat bermeteri dengan **menulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Kewangan Dan Akaun, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Selangor, No. 15 Pusat Dagangan Shah Alam, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup adalah dikategorikan sebagai sebut harga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.**

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada **19 Mac 2025 jam 12.00 tengah hari**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SITI HAWA DELAILA BINTI TUKIRAN)**
**PENGARAH LKIM NEGERI SELANGOR**

s.k.

i. Bahagian Pentadbiran LKIM Negeri Selangor

ii. Bahagian Kejuruteraan LKIM Negeri Selangor